

ECERDC suntik pelaburan RM5b

HARI AN METRO (SETEMPAH) 24/2/2016 m/s 41

Kuantan: Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) memperoleh pelaburan sebanyak RM5 bilion bagi membangunkan tujuh projek di Pahang sepanjang tahun ini.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, pelaburan itu membabitkan sektor pembuatan, minyak dan gas serta pelancongan.

"Limpahan pelaburan di negeri ini dikaitkan dengan kewujudan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) dan perluasan Pelabuhan Kuantan yang merupakan projek penentu kejayaan," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelaras (ICC)-Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) negeri, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai

Eksekutif ECERDC, Datuk Seri Jebasingam Issace John dan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Dalam majlis itu, Adnan turut menyampaikan sijil kecemerlangan kepada tiga murid Orang Asli yang mencatat keputusan cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2015.

Adnan berkata, secara keseluruhan, ECERDC menarik pelaburan bernilai RM43.2 bilion ke negeri ini antara 2007 sehingga Januari lalu.

Beliau berkata, ia mewujudkan 43,875 peluang pekerjaan.

Katanya, sektor pembuatan menjadi penyumbang terbesar dengan nilai pelaburan sebanyak RM22.4 bilion.

Menurutnya, ini diikuti sektor pelancongan dengan nilai pelaburan RM7.5 bilion, bidang infrastruktur (RM3



ADNAN

bilion) dan sektor minyak, gas dan petrokimia (RM2.86 bilion).

"Buat masa ini, China menjadi pelabur terbesar dengan syarikat dari negara itu, Alliance Steel Sdn Bhd melabur RM5.6 bilion," katanya.

Sehubungan itu, Adnan berkata, ECERDC dengan kerjasama kerajaan negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan mengadakan misi perdagangan ke Jepun, China dan Korea Selatan pada tahun ini.